

24/11/1998

Jumlah penghidap Aids sukar diketahui

KUALA LUMPUR, Isnin - Majlis Aids Malaysia (MAM) sukar mengenal pasti jumlah sebenar mereka yang berisiko tinggi menghidap HIV/Aids kerana kurang maklumat dan penyelidikan dalam bidang itu di negara ini.

Presiden MAM, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata jika banyak penyelidikan dan kajian diadakan di pelbagai peringkat, pihaknya akan lebih senang memberi bantuan terus termasuk nasihat kepada mereka yang memerlukan.

"Salah satu faktor menyebabkan kurangnya penyelidikan mungkin kerana ia bukan mata pelajaran yang digemari," katanya di sini, hari ini bagi mengumumkan program Hari Aids Sedunia tahun ini.

Program itu dimulakan dengan Penyampaian Anugerah Riben Merah pada 1 Disember depan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Anugerah itu diberi bagi mengenang jasa pertubuhan media cetak, elektronik, pengiklanan dan seni yang banyak menabur jasa menyumbang bagi mendidik masyarakat mengikis tanggapan negatif mengenai HIV/Aids.

Menurut Marina, tema tahun ini Semangat Perubahan: Kempen Aids Sedunia bagi Golongan Muda dipilih kerana pihaknya ingin memberi perhatian kepada remaja.

Tema ini dipilih kerana lebih 50 peratus penghidap HIV/Aids berusia antara 10 hingga 24 tahun.

(END)